

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM**  
**[BERUAS]**

**TARIKH JAWAPAN : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kenapa tarif elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak turun sungguhpun harga bahan api (petroleum, gas dan arang batu) yang digunakan untuk menjana elektrik telah turun mendadak di antara 40% - 70% jika dibandingkan dengan harga bahan api apabila TNB menaikkan tarif elektrik pada kali yang terakhir.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Saya ingin jelaskan bahawa penentuan tarif bekalan elektrik di Semenanjung adalah dibuat berdasarkan mekanisme Imbalance Cost Pass-Through (ICPT), dengan izin, di mana ianya mengambilkira perubahan kos penjanaan elektrik termasuk kos bahan api dan kos-kos penjanaan lain yang di luar kawalan pihak utiliti iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB). Dalam hal ini, dua bahan api utama yang digunakan iaitu gas asli cecair atau *Liquefied Natural Gas* (LNG) dan arang batu merupakan bahan api import adalah dipengaruhi oleh harga pasaran antarabangsa.

2. Pada ketika ini kadar tarif elektrik bagi pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung tidak dapat diturunkan meskipun harga bahan api mengalami penurunan mulai pertengahan tahun 2014. Ini kerana semakan tarif elektrik pada awal tahun 2014 telah menetapkan harga bahan api dalam tarif asas iaitu gas asli berpaip pada

harga subsidi RM15.20/MMBtu, arang batu pada harga USD87.50/tan dan gas asli cecair atau (LNG) pada harga RM41.68/MMBtu.

3. Bagi harga bahan api petroleum dan gas, penetapan harga dibuat berasaskan nilai eksport gas asli cecair dari Bintulu yang bergantung kepada harga *Japan Customs-Cleared Crude (JCCC)*, di mana berlaku kesan pengekoran harga atau *Lagging Effect*, dengan izin, di antara 5 hingga 7 bulan. Oleh itu, sebarang perubahan harga minyak mentah dunia sejak Jun 2014 hanya akan memberi kesan kepada harga petroleum dan gas di Semenanjung selepas tempoh 5 hingga 7 bulan.

4. Namun begitu, semakan tarif bagi tempoh Julai hingga Disember 2014 melalui mekanisme *Imbalance Cost Pass Through (ICPT)* telah memperolehi penjimatan hasil penurunan harga pasaran arang batu dunia dan peningkatan kecekapan prestasi loji-loji jana kuasa arang batu. Sehubungan itu, pada 11 Februari 2015, Kerajaan telah memutuskan supaya penjimatan sebanyak RM726.99 juta diterjemahkan dalam bentuk rebat bil elektrik sebanyak 2.25 sen/kWj untuk pengguna-pengguna di Semenanjung mulai 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015.

5. Seterusnya pada 24 Jun 2015 yang lalu, selaras dengan langkah program rasionalisasi subsidi tenaga, pihak Kerajaan telah memutuskan

agar harga gas berpaip di Semenanjung dinaikkan sebanyak RM1.50/mmBtu iaitu daripada RM15.20/mmBtu kepada RM16.70/mmBtu. Kenaikan harga gas berpaip tersebut telah ditampung menggunakan dana sebanyak RM300 juta daripada penjimatan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) bagi Penjana Tenaga Bebas (IPP) Generasi Pertama. Dengan ini, kenaikan harga bahan api gas berpaip tidak mengakibatkan peningkatan tarif elektrik, di mana Kerajaan telah mengekalkan pemberian rebat menerusi mekanisme ICPT sebanyak 2.25 sen/kWj di Semenanjung bagi tempoh 1 Julai 2015 hingga 31 Disember 2015 dengan jumlah keseluruhan rebat sebanyak RM1,085.67 juta.

Sekian, terima kasih.

\*\*\*\*\*